

♥16/09/17-5018

CNS0336

R GB 16-09 00176 BA804

bah

Mahathir - Pemimpin

PM NASIHATI ANGGOTA UMNO PASTIKAN PEMIMPIN BERKALIBER

SHAH ALAM, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua anggota Umno supaya memastikan parti dipimpin oleh para pemimpin yang berkaliber, berhemah tinggi, berilmu, rajin dan berpandangan jauh kerana perjuangan Umno masih banyak, kompleks dan penuh cabaran.

Perdana Menteri berkata pemimpin-pemimpin sedemikian perlu untuk membolehkan Umno terus maju serta dapat memenuhi aspirasi dan cita-cita negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Perjuangan Umno masih banyak, kompleks dan penuh cabaran," kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dalam perutusan pada buku cenderamata Pameran Perjuangan Umno Selangor yang bermula hari ini di Muzium Sultan Alam Shah, di sini.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib merasmikan pameran itu yang akan berlangsung sehingga 30 Okt.

Dr Mahathir berkata kejayaan perjuangan Umno selama ini adalah kerana Umno, yang menjadi teras Barisan Nasional dan tunggak kepimpinan negara, mempunyai para pemimpin dan anggota yang benar-benar memahami dan komited kepada cita-cita dan matlamat Umno. -- Lagi.

♥16/09/18-06MST

CNS0340

R GB 16-09 00138 BA805

bah

Mahathir - Pemimpin 2 (akhir) Shah Alam

Beliau berkata mereka dengan rela hati dan penuh semangat kecekalan mendukung dan mempertahankan perjuangan Umno tanpa mengira kepentingan diri sendiri.

Beliau juga mengingatkan para pemimpin dan anggota Umno supaya sentiasa mengutamakan perjuangan dan kepentingan parti.

Dr Mahathir berkata Umno telah membuktikan bahawa perjuangannya semenjak ia ditubuhkan, berada di atas landasan yang benar dan murni serta telah membawa kepada kedaulatan bangsa, agama dan negara.

"Hasil perjuangan Umno jugalah kini orang Melayu semakin maju dalam serba-serbi kegiatan seperti ekonomi, perdagangan dan perindustrian, ilmu dan politik," katanya.

Perdana Menteri memuji usaha Badan Perhubungan Umno Selangor mengadakan pameran itu dan menerbitkan sebuah buku bertajuk "Umno Selangor: Penubuhan, Perkembangan dan Perjuangan" yang turut dilancarkan oleh Muhammad pada majlis itu. -- Bernama:

MNY NMO

♥16/09/18-07MST